# Formula ini Disusun Berdasarkan kepada Format Pemarkahan Holistik: 5 ayat Mudah

1. Fakta : Mulakan Ayat Menggunakan Pernyataan soalan dan ditambah perkataan ialah (Fakta) atau Kerana (Fakta) .......
2. Huraian : Hal ini kerana ...
3. Huraian Lanjutan : Oleh itu...
4. Contohnya ;
5. Kesimpulannya, ( Fakta) sambung dengan Pernyataan soalan



Jelaskan **manfaat bagi rakyat yang sebuah negara yang berdaulat.**

| No | PERKARA | PERINCIAN |
|---|---|---|
| 1. | FAKTA | Manfaat bagi rakyat yang mendiami sebuah negara yang berdaulat ( diambil dari pernyataan soalan) ialah |
| 2. | HURAIAN | **Hal ini kerana**, |
| 3. | HURAIAN LANJUTAN | **Oleh itu**, |
| 4. | CONTOH | **Contohnya**, |
| 5. | INFERENS | **Kesimpulannya** ______FAKTA______ ialah manfaat bagi rakyat yang mendiami sebuah negara yang berdaulat. |



Jelaskan **manfaat bagi rakyat yang mendiami sebuah negara yang berdaulat.** [4 Markah]

Permulaan ayat daripada pernyataan soalan

Manfaat bagi rakyat yang mendiami sebuah negara yang berdaulat ialah bebas melaksanakan sistem demokrasi (F). Hal ini kerana sesebuah negara bebas memilih pentadbir (H) masing-masing. Oleh itu, pentadbiran negara berjalan lancar (HL). Contohnya, negara dapat menjalankan pilihanraya (C). Kesimpulannya, bebas melaksanakan sistem demokrasi (F) ialah manfaat bagi rakyat yang mendiami sebuah negara yang berdaulat (soalan).



# SOALAN CABARAN/ HALANGAN/ MASALAH

## Cuma perlu tambah " TIDAK" dalam Formula

Pada pandangan anda, sebagai sebuah negara yang berdaulat, apakah **cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam usaha memantapkan sistem pemerintahan**. [4 Markah]

Cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam usaha memantapkan sistem pemerintahan ialah tidak melaksanakan sistem demokrasi dengan betul. Hal ini kerana sesebuah negara tidak bebas memilih pentadbir masing-masing. Oleh itu, pentadbiran negara tidak berjalan lancar. Contohnya, tidak berlaku pilihanraya yang adail. Kesimpulannya, tidak melaksanakan sistem demokrasi dengan betul ialah cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam usaha memantapkan sistem pemerintahan



**M**encintai negara
**E** tika Hidup
} **ISI**

**R** asional
**D** isiplin Diri
} **H** **Hal ini kerana**

**E** lmu / Sejarah
} **HL** **Oleh itu,**

**K** orban jiwa / tenaga
**A** gama
} **Contoh,**

FORMULA JOM




SEJARAH

TEMA : MERDEKA

BAB 7, BAB 9 & BAB 10

Pada tanggal 31 Ogos, sambutan kemerdekaan negara diraikan secara meriah. Terangkan **kepentingan sambutan tersebut?** [4 Markah]

Kepentingan sambutan kemerdekaan ialah dapat menanamkan semangat cintakan negara . Hal ini kerana dapat melahirkan disiplin diri dalam membuat hidup. Oleh itu**,** rakyat akan cuba menghayati ilmu terutama ilmu berkaitan Sejarah negara. Contohnya belajar Sejarah menyebabkan rakyat sanggup berkorban untuk negara. Kesimpulannya, perasaan cinta kepada negara dapat diperolehi apabila kita menyambut hari kemerdekaan negara dengan meriah.



SOALAN CABARAN/ HALANGAN/ MASALAH

Cuma perlu tambah **“ TIDAK”** **dalam Formula**

Usaha mempertahankan kemerdekaan lebih penting daripada mendapatkan kemerdekaan itu sendiri.

Jelaskan **cabaran mempertahankan kemerdekaan negara.**

[4 Markah]

**Cabaran dalam mempertahankan kemerdekaan negara** ialah terdapat masyarakat yang **tidak** mempunyai semangat cintakan negara . Hal ini kerana mereka **tidak** mempunyai disiplin diri dalam kehidupan mereka. Oleh itu**,** rakyat **tidak** berminat untuk menghayati ilmu terutama ilmu berkaitan Sejarah negara. Contohnya rakyat **tidak** sanggup berkorban untuk negara. Kesimpulannya, masyarakat yang tidak mempunyai semangat cintakan negara adalah cabaran negara dalam mempertahankan kemerdekaan .



# FORMULA KBAT

**BAB 7 ( SOSIAL)**

BAB 7

| | | |
|---|---|---|
| **P** | PATRIOTIK | FAKTA |
| **E** | EKONOMI BERKEMBANG | H<br>Hal ini kerana |
| **R** | RAPATKAN HUBUNGAN | |
| **P** | POLITIK LANCAR | |
| **A** | AMAN | HL<br>Oleh itu |
| **D** | MASA DEPAN | |
| **U** | UNDANG-UNDANG | Contoh |
| **A** | AGAMA | |
| **N** | INTEGRASI NASIONAL | FAKTA |

# FORMULA JOM




## SEJARAH
## BAB 7:

MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

atau soalan berkaitan SOSIAL

Jelaskan **ciri masyarakat yang boleh melahirkan perpaduan kaum di negara kita?**

[4 Markah]

Ciri masyarakat yang boleh melahirkan perpaduan kaum di negara kita ialah mempunyai integrasi nasional. Hal ini kerana integrasi dapat merapatkan hubungan di antara kaum. Oleh itu, masyarakat menjadi aman. Contohnya, semua masyarakat tidak mengira agama dapat hidup Bersama-sama. Kesimpulannya, masyarakat yang mempunyai sifat integrasi nasional boleh melahirkan perpaduan kaum di negara kita .

BAB 7



## FORMULA **"PERPADUAN"** INI JUGA SESUAI UNTUK MENJAWAB SOALAN FAKTA DI (a) dan (b) – SESUAI UNTUK BAB 7 TING 5 – IKUT KESESUAIAN

Logo berikut menunjukkan usaha kerajaan dalam memajukan bidang sukan negara.

**CONTOH 1**

1Murid 1Sukan

(a) Apakah tujuan usaha tersebut dilaksanakan [2 markah]

(b) Bagaimanakah sukan dapat melahirkan perpaduan dalam kalangan rakyat negara kita [4 markah ]

( c)Cadangkan usaha yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk melahirkan atlet sukan bertaraf dunia? [ 4 markah ]

**FORMULA KBAT**

**BAB 7 ( SOSIAL)**

BAB 7

- **P** PATRIOTIK } FAKTA
- **E** EKONOMI BERKEMBANG
- **R** RAPATKAN HUBUNGAN } H Hal ini kerana
- **P** POLITIK LANCAR
- **A** AMAN
- **D** MASA DEPAN } HL Oleh itu
- **U** UNDANG-UNDANG
- **A** AGAMA } Contoh
- **N** INTEGRASI NASIONAL } FAKTA

# Contoh jawapan menggunakan Formula

BAB 7

"PERPADUAN"




SOALAN :

(a) Apakah tujuan usaha tersebut dilaksanakan [2 markah]

JAWAPAN :

(a)Tujuan usaha tersebut dilaksanakan ialah bagi meningkatkan **semangat patriotik ( F1)** di kalangan murid. Selain itu, tujuannya ialah dapat meningkatkan **integrasi nasional ( F2)** di kalangan masyarakat.

# Contoh jawapan menggunakan Formula

“PERPADUAN”

SOALAN :

(b) Bagaimanakah sukan dapat melahirkan perpaduan dalam kalangan rakyat negara kita [4 markah]

JAWAPAN :

(b) Sukan dapat melahirkan perpaduan dengan cara dapat meningkatkan semangat **patriotik (F1)** di kalangan rakyat. Selain itu, dapat menyebabkan hubungan antara kaum menjadi **rapat(H1).** Seterusnya menyebabkan berlakunya **integarsi nasional ( F2)** dalam kalangan masyarakat. Akhirnya, menyebabkan negara **aman(HL)** kerana rakyat saling mengenali dan bekerjasama.



# Contoh jawapan menggunakan Formula

## “PERPADUAN”

SOALAN :

(c) Cadangkan usaha yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk melahirkan atlet sukan bertaraf dunia? [4 markah]

JAWAPAN :

(b) Usaha yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk melahirkan atlet sukan bertaraf dunia ialah dengan menanamkan semangat **patriotik ( F1)** di kalangan atlet. Hal ini ini kerana atlet akan bersungguh-sungguh berjuang untuk negara. Oleh itu, **masa depan (HL)** atlet menjadi cerah. Contohnya, Azizul Hasni awang bertungkus lumus mendapatkan pingat untuk negara kerana semangat patriotik yang ada pada diri beliau. Kesimpulannya, meningkatkan semangat patriotik di kalangan atlet dapat melahirkan atlet sukan bertaraf dunia.

**BAB 7**

**FORMULA KBAT**

**BAB 7 ( SOSIAL)**

- **P** PATRIOTIK } FAKTA
- **E** EKONOMI BERKEMBANG
- **R** RAPATKAN HUBUNGAN } H Hal ini kerana
- **P** POLITIK LANCAR
- **A** AMAN
- **D** MASA DEPAN } HL Oleh itu
- **U** UNDANG-UNDANG
- **A** AGAMA } Contoh
- **N** INTEGRASI NASIONAL } FAKTA

# LATIHAN

Gambar menunjukkan logo rasmi sambutan Jubli Emas Rukun Negara ( 1970- 2020)

(a) Ceritakan latar belakang pembentukan Rukun Negara [4markah]

(b) Jelaskan matlamat Rukun Negara [8 markah]

(c) Prinsip Rukun Negara mengambil kira kepentingan rakyat dan negara. Buktikan. [8 markah]

## FORMULA KBAT

### BAB 7 ( SOSIAL)

BAB 7

| | | |
|---|---|---|
| P | PATRIOTIK | FAKTA |
| E | EKONOMI BERKEMBANG | H Hal ini kerana |
| R | RAPATKAN HUBUNGAN | |
| P | POLITIK LANCAR | |
| A | AMAN | HL Oleh itu |
| D | MASA DEPAN | |
| U | UNDANG-UNDANG | Contoh |
| A | AGAMA | |
| N | INTEGRASI NASIONAL | FAKTA |




FORMULA JOM




SEJARAH

# BAB 8:

## MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

atau soalan berkaitan EKONOMI

Bagaimanakah kerajaan dapat mengatasi isu sosioekonomi **?**

**Berikan cadangan anda.** [4 Markah]

Kerajaan dapat mengatasi isu sosioekonomi adalah dengan cara meningkatkan mutu barang-barang perkilangan . Hal ini kerana dapat menambahkan keuntungan sector perkilangan. Oleh itu, rezeki majikan bertambah dengan kemasukan pelabur luar. Contohnya, menambahbaik penggunaan mesin-mesin. Kesimpulannya, meningkatkan mutu barang-barang perkilangan dapat membantu kerajaan mengatasi masalah sosioekonomi.



FORMULA **“MAKMUR”** INI JUGA SESUAI UNTUK MENJAWAB SOALAN FAKTA DI (a) dan (b) – UNTUK BAB 8 TING 5 (MENGIKUT KESESUAIAN)

Gambar menunjukkan kereta buatan Malaysia.




(a) Namakan dua syarikat yang terlibat dalam perusahaan membuat kenderaan tempatan [2 markah]

(a) Apakah manfaat daripada perkembangan perusahaan kereta dan motosikal nasional? [4 markah ]

( c)Bagaimanakah rakyat negara ini boleh membantu perkembangan industri perusahaan Kereta dan motosikal tempatan? [ 4 markah ]



# Contoh jawapan menggunakan Formula

"MAKMUR"

SOALAN :

(a)Namakan dua syarikat yang terlibat dalam perusahaan membuat kenderaan tempatan

[2 markah]

JAWAPAN :

(a)Dua syarikat yang terlibat dalam perusahaan membuat kenderaan tempatan ialah Proton Edar dan Perodua.

## Jawapan berdasarkan pengetahuan sendiri



# Contoh jawapan menggunakan Formula

"MAKMUR"

SOALAN :

(b)Apakah manfaat daripada perkembangan perusahaan kereta dan motosikal nasional?

[4 markah ]

JAWAPAN :

(a)Manfaat daripada perkembangan perusahaan kereta dan motosikal nasional ialah dapat meningkatkan **mutu (F1)** produktiviti negara kita. Selain itu, dapat melahirkan pekerja yang **mahir (F2).** Seterusnya, dapat meningkatkan **kecekapan (H)** pekerja. Akhir sekali, dapat meningkatkan **keuntungan(H)** kepada negara.



# Contoh jawapan menggunakan Formula

“MAKMUR”

SOALAN :

(c)Bagaimanakah rakyat negara ini boleh membantu perkembangan industry perusahaan kereta dan motosikal tempatan? [4 markah ]

JAWAPAN :

(a)Rakyat negara ini boleh membantu perkembangan industry perusahaan kereta dan motosikal tempatan ialah dengan meningkatkan **kemahiran (F1)**. Hal ini kerana mereka akan menjadi **cekap (H1)** dalam melakukan pekerjaan. Oleh itu, **kualiti ( HL1)** produk juga akan meningkat. Contohnya, menyambung pelajaran dalam kejuruteraan mekanikal. Kesimpulannya, meningkatkan **kemahiran (F1)** membantu perkembangan industry perusahaan kereta dan motosikal tempatan

